

Dilema Definisi Ekstremisme Ganas di Malaysia: Satu Tinjauan Awal (Definitional Dilemma of Violent Extremism in Malaysia: An Overview)

PUSHPAMALAR GOVINDARAJU
MOHAMAD RIZAL BIN ABD RAHMAN
SHAHRUL MIZAN ISMAIL

ABSTRAK

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu senantiasa menyeru supaya negara-negara anggotanya membangunkan pelan tindakan negara masing-masing untuk mencegah ekstremisme ganas. Pelan Tindakan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) untuk Mencegah dan Mengatasi Peningkatan Radikalisasi dan Extremism yang Kekerasan (2018-2025) juga menyarankan negara-negara ASEAN untuk memperkenalkan rang undang-undang yang sesuai bagi mencegah radikalisasi dan ekstremisme ganas. Bagi Malaysia, dalam usahanya untuk memenuhi saranan-saranan ini, adalah penting untuk menentukan terlebih dahulu apakah yang dirujuk sebagai ekstremisme ganas. Sebagaimana istilah keganasan, sehingga kini tidak terdapat definisi ekstremisme ganas yang diterima umum mahu pun di peringkat antarabangsa atau domestik. Lakuna ini membawa kepada dua keadaan. Pertama, istilah-istilah lain yang berkaitan seperti radikalisasi, ekstremisme dan keganasan digunakan secara bergantian bagi ekstremisme ganas. Kedua, sama ada ekstremisme ganas merujuk kepada ideologi, tingkah laku atau perbuatan seseorang dan juga kumpulan. Dalam usaha untuk mencari jawapan bagi kedua-dua isu ini, artikel ini menggunakan pakai metod kualitatif. Metodologi penyelidikan perpustakaan secara doktrinal digunakan sebagai kaedah pengumpulan data dan maklumat bagi penulisan artikel ini. Akhir sekali, artikel ini merumuskan bahawa satu definisi yang diterima umum bagi istilah ekstremisme ganas adalah perlu agar setiap negara termasuk Malaysia dapat membangunkan dasar-dasar dan langkah-langkah pencegahan yang lebih berkesan selaras dengan perkembangan semasa. Kajian selanjutnya mengenai jenis-jenis ekstremis ganas di Malaysia adalah diperlukan bagi memastikan definisi ekstremisme ganas yang digubal pada masa kelak sesuai dari segi polisi dan perundangan Malaysia.

Kata Kunci: Perbuatan; ganas; fahaman; kepercayaan; matlamat

ABSTRACT

The United Nations always called on its Member States to develop their own country's action plan to prevent violent extremism. The Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) Plan of Action to Prevent and Counter the Rise of Radicalization and Extremism (2018-2025) also urged ASEAN countries to introduce appropriate legislation to prevent radicalization and violent extremism. For Malaysia, in its quest to meet these recommendations, it is important to determine first what is referred to as violent extremism. Similar to the term terrorism, currently there is no definition of violent extremism that is widely accepted either internationally or domestically. The lacuna has lead to two conditions. First, other related terms such as radicalization, extremism and terrorism are used interchangeably to violent extremism. Second, whether violent extremism refers to the ideology, behavior or actions of an individual and a group. To find answers to both issues, this article adopts the qualitative methods. The library research is used as a method of collecting data and information. Finally, this Article concludes that a universally accepted definition of violent extremism is necessary for each country including Malaysia to develop more effective policies and preventive measures in line with current developments. Further studies on the types of violent extremists are needed to ensure the definition of violent extremism is to be formulated in the future is in accordance with Malaysia's policy and legislation.

Keywords: Action; violence; ideology; beliefs; aim

PENGENALAN

Istilah ekstremisme ganas¹ mula digunakan secara meluas di Malaysia berikutan Resolusi 2178 (2014) yang dibuat di bawah Bab VII Piagam

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Namun, sehingga kini istilah tersebut tidak didefinisikan secara khusus dalam mana-mana dokumen polisi kerajaan atau akta-akta sedia ada di Malaysia. Lakuna dalam mendefinisikan ekstremisme

ganas tidak mengecualikan Malaysia daripada mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam mencegah ekstremisme ganas. Malahan, Malaysia terikat dengan Resolusi 2178 (2014) yang menyeru negara-negara anggotanya untuk membangunkan pelan tindakan negara masing-masing bagi mencegah ekstremisme ganas. Pelan Tindakan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) untuk Mencegah dan Mengatasi Peningkatan Radikalisasi dan Extremism yang Kekerasan (2018-2025) juga menyarankan negara-negara ASEAN untuk memperkenalkan rang undang-undang yang sesuai bagi tujuan yang sama. Dalam memenuhi saranan-saranan ini, adalah penting bagi Malaysia untuk menentukan terlebih dahulu apakah yang ditafsirkan sebagai ekstremisme ganas.

Amerika Syarikat dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) adalah antara nama-nama penting yang tidak boleh dikecualikan daripada sejarah keganasan. Hal ini terpakai juga dalam perkembangan istilah ekstremisme ganas. Para sarjana dan pakar-pakar bidang keganasan berpandangan bahawa kepentingan politik negara-negara anggota menjadi penghalang utama di peringkat PBB untuk memuktamadkan satu definisi umum bagi istilah keganasan.² Segelintir pihak menghujah bahawa dalam mengatasi kepentingan politik tersebut, istilah ekstremisme ganas diperkenalkan dan dipopularkan oleh Amerika Syarikat dengan menjadikan PBB sebagai platform utamanya.³ Segelintir lagi mempertahankan bahawa ekstremisme ganas berkonsep lebih luas dan bukan sebagai istilah alternatif kepada keganasan.⁴

Pendebatan ini secara langsungnya membawa kepada dua keadaan. Pertama, istilah-istilah lain yang berkaitan seperti radikalisme, ekstremisme dan keganasan digunakan secara bergantian bagi ekstremisme ganas. Kedua, sama ada ekstremisme ganas merujuk kepada pemikiran, tingkah laku atau perbuatan seseorang dan juga kumpulan. Dalam usahanya mengkaji tafsiran ekstremisme ganas, artikel ini terlebih dahulu menyentuh akan kemunculan dan perkembangan istilah tersebut secara ringkas. Perbincangan ini bertujuan untuk mengetahui asal usul ekstremisme ganas dan tujuan sebenar pihak yang memperkenalkan istilah tersebut. Seterusnya, artikel ini mengkaji dua keadaan yang wujud disebabkan lakuna dalam mendefinisikan ekstremisme ganas. Pertama, artikel ini meneliti istilah-istilah yang

berkaitan dengan ekstremisme ganas seperti radikalisme, ekstremisme dan keganasan. Penelitian ini dibuat bagi mengenal pasti perbezaan antara konsep-konsep tersebut dengan ekstremisme ganas. Bahagian selanjutnya memfokuskan definisi ekstremisme ganas dari pelbagai sumber bagi mengenal pasti elemen-elemen penting ekstremisme ganas. Elemen-elemen ini wajar dikenal pasti bagi menentukan sama ada ekstremisme ganas merujuk kepada ideologi, tingkah laku atau perbuatan. Artikel ini diakhiri dengan kesimpulan yang menyarankan keperluan definisi ekstremisme ganas yang diterima umum. Analisis ini boleh menjadi sumber rujukan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk menggubal dasar-dasar kerajaan dan undang-undang Malaysia dalam membangunkan langkah-langkah pencegahan yang lebih berkesan selaras dengan perkembangan semasa.

KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN ISTILAH EKSTREMISME GANAS

Istilah ekstremisme ganas lahir dalam tahun 2005 apabila Amerika Syarikat memperkenalkan *the Struggle Against Violent Extremism* (SAVE) sebagai slogan pengganti bagi *Global War on Terror* (GWOT).⁵ Amerika Syarikat menyedari bahawa strategi GWOT hanya mampu membunuh pengganas dan bukannya keganasan. Oleh itu, Amerika Syarikat di bawah pimpinan presiden barunya, Barak Obama pada masa itu, mula beranjak daripada GWOT kepada strategi pencegahan ekstremisme ganas. Permulaan SAVE akhirnya membawa kepada strategi *Countering Violent Extremism* (CVE). Matlamat utama CVE adalah untuk mengenal pasti punca-punca seseorang terpengaruh dengan sesuatu ideologi sehingga membawanya ke arah tindakan ganas.⁶

Di samping agenda anti-keganasan, PBB menjadi platform utama Amerika Syarikat dalam menyebarkan konsep CVE. Resolusi 2178 (2014) yang menggesa negara-negara Anggota untuk mencegah ekstremisme ganas dengan menyekat perjalanan pejuang pengganas asing (*foreign terrorist fighters-FTF*) telah dibentangkan oleh Barack Obama semasa sidang kemuncak Majlis Keselamatan, PBB.⁷ Tindakan Malaysia yang menjadi penaja bersama bagi Resolusi 2178 (2014) mendedahkan semangat Malaysia dalam mencegah ekstremisme ganas.

Resolusi 2178 (2014) merupakan resolusi pertama Majelis Keselamatan, PBB yang menggunakan istilah ekstremisme ganas tanpa memberikan sebarang definisi khusus. Perenggan 15 dalam Resolusi 2178 (2014) memperuntukkan, *'Underscores that countering violent extremism, which can be conducive to terrorism, including preventing radicalization, recruitment, and mobilization of individuals into terrorist groups and becoming foreign terrorist fighters is an essential element of addressing the threat to international peace and security posed by foreign terrorist fighters, and calls upon Member States to enhance efforts to counter this kind of violent extremism.'* Frasa *'... which can be conducive to terrorism'* dalam perenggan 15 di atas membawa maksud, ekstremisme ganas boleh mewujudkan keadaan kondusif yang membawa kepada keganasan. Frasa ini memberi gambaran seolah-olah ekstremisme ganas dan keganasan adalah dua konsep yang berbeza di mana ekstremisme ganas menjadi salah satu punca atau faktor keganasan.⁸

Kekeliruan timbul apabila frasa seterusnya menyatakan bahawa tindakan mencegah radikalisasi, merekrut orang dan menghalang pergerakan seseorang individu ke dalam kumpulan penganas sehingga menjadi FTF adalah antara langkah-langkah mencegah ekstremisme ganas. Hal ini kerana tindakan-tindakan seperti merekrut orang dan menjadi FTF secara langsung merupakan perbuatan yang berkaitan dengan keganasan. Frasa ini membuka ruang untuk mentafsirkan bahawa istilah ekstremisme ganas adalah pengganti kepada keganasan.⁹

Berikutan Resolusi 2178 (2014), satu Pelan Tindakan Mencegah Ekstremisme Ganas (Pelan Tindakan PVE) di peringkat PBB telah dibentangkan oleh mantan setiausaha PBB, Ban Ki Moon pada Disember 2015.¹⁰ Pelan Tindakan PVE mengambil kira perkara-perkara yang digariskan dalam Resolusi 2178 (2014) dan juga merangkumi langkah-langkah yang boleh diambil oleh negara-negara Anggota secara bersendirian dan juga kolektif bagi mencegah ekstremisme ganas secara sistematik.

Perenggan 2 dalam Pelan Tindakan PVE turut mengesahkan, ekstremisme ganas merujuk kepada pelbagai fenomena tanpa suatu definisi yang jelas. Dengan itu, Pelan tindakan PVE juga menggunakan pendekatan pratikal untuk

mencegah ekstremisme ganas tanpa menyentuh akan definisi ekstremisme ganas. Walau pun Pelan Tindakan PVE tidak mendefinisikan ekstremisme ganas secara khusus, Perenggan 4 menjelaskan bahawa manifestasi ekstremisme ganas adalah sangat luas. Oleh itu, pengendalian ekstremisme ganas dari konteks keganasan boleh menyebabkan langkah-langkah mencegah keganasan turut merangkumi tingkah laku yang tidak seharusnya dikategorikan sebagai perbuatan penganas. Perenggan ini secara tidak langsung membawa kepada satu tafsiran bahawa konsep ekstremisme ganas sangat luas dan bukan semua ekstremisme ganas adalah keganasan.

Pelan Tindakan PVE ini telah mendapat sambutan baik daripada negara-negara anggota termasuk Malaysia dan diterima pakai secara konsensus pada 12 Februari 2016.¹¹ Perenggan 5 dalam Pelan Tindakan PVE memberikan fleksibiliti kepada negara-negara Anggota untuk mewujudkan definisi 'keganasan' dan 'ekstremisme ganas' mengikut prerogatif masing-masing tertakhluk kepada Undang-undang Antarabangsa, khususnya Undang-undang Antarabangsa Hak Asasi Manusia. Oleh yang demikian, Malaysia dalam usahanya untuk membangunkan satu PVE yang berkesan, turut mempunyai fleksibiliti bagi mewujudkan definisi ekstremisme ganas yang bersesuaian dengan fenomena tempatan.

Kedudukan Resolusi 2178(2014) dan Pelan Tindakan PVE sebagai dokumen-dokumen peringkat antarabangsa yang gagal memberikan definisi umum bagi istilah ekstremisme ganas, melanjutkan lagi kekaburan mengenai tafsiran sebenarnya. Kekeliruan ini secara tidak langsung menyebabkan istilah-istilah lain yang berkaitan seperti radikalisasi, ekstremisme dan keganasan digunakan secara bergantian bagi esktrisme ganas. Keadaan yang sama turut berlaku di Malaysia.

PENELITIAN ISTILAH-ISTILAH YANG BERKAITAN

Kajian ini mendapati model-model daripada FBI, New York¹², Mitchell Silber dan Arvind Bhatt¹³, Moghaddam¹⁴ dan Randy Borum¹⁵ menggambarkan peringkat-peringkat yang dilalui oleh seseorang dari proses radikal sehingga terlibat dalam perbuatan ganas atau keganasan. Model-model ini juga dikenali sebagai model

prosiding. Misalnya, model FBI, New York bermula dengan peringkat pre-radikalisasi dan berakhir dengan perbuatan atau jihadisme sebagai peringkat terakhir dalam suatu proses radikalisasi yang menjurus ke arah keganasan. Model-model ini secara tidak langsung menyedarkan kita bahawa radikalisasi, ekstremisme, keganasan dan ekstremisme ganas adalah konsep-konsep yang berbeza. Perkara ini turut disokong oleh Ramakrishna (2013) yang menyatakan bahawa radikalisasi adalah suatu proses yang menjurus kepada ekstremisme ganas yang merupakan *outcome or end-state*.¹⁶ Oleh itu, radikalisasi, ekstremisme dan keganasan adalah konsep-konsep yang wajar dibincangkan terlebih dahulu sebelum beralih kepada definisi ekstremisme ganas.

RADIKALISASI

Penggunaan istilah radikal dikesan sejak abad ke-18 khususnya pada Zaman Pencerahan serta Revolusi Perancis dan Amerika Syarikat. Istilah tersebut digunakan secara meluas pada abad ke-19 untuk merujuk fahaman dan pegangan liberal, menentang kuasa dan pengaruh para ulama, menyokong demokrasi dan menggalakkan kemajuan dalam politik mengikut giliran. Kini, istilah tersebut digunakan untuk merujuk isu-isu yang berlawanan seperti radikal dari segi fahaman Islam, anti-liberal, berpegang pada fahaman fundamental, anti demokrasi dan kemerosotan dari segi politik.¹⁷

‘Radikal’ merupakan satu konsep yang amat berkaitan dengan radikalisasi atau radikalisme.¹⁸

Istilah radikal didefinisikan oleh *Merriam-Webster* sebagaimana yang berikut:

1. *very different from the usual or traditional;*
2. *favoring extreme changes in existing views, habits, conditions, or institutions;*
3. *associated with political views, practices, and policies of extreme change;*
4. *advocating extreme measures to retain or restore a political state of affairs the radical right.*

Kamus Dewan, mendefinisikan ‘radikal’ sebagai memperjuangkan, menyokong atau cenderung kepada perubahan-perubahan dasar dari segi keadaan politik yang merangkumi ketatanegaraan, ekonomi, sosial dan lain-lain lagi. Sementara itu, istilah ‘radikal’ didefinisikan oleh *The Cambridge Dictionary* sebagai mempercayai atau menyatakan kepercayaan mengenai keinginan untuk perubahan politik atau sosial secara mendadak. Istilah radikalisasi pula didefinisikan sebagai suatu tindakan atau proses yang membentuk seseorang menjadi lebih radikal (sama seperti ekstrem) mengenai kepercayaan politik dan agama mereka.

Berdasarkan kepada definisi-definisi yang dikemukakan oleh pelbagai pihak di peringkat antarabangsa, kajian ini mendapati konsep radikalisasi boleh dibahagikan kepada tiga kategori penting. Jadual 1 menjelaskan ketiga-tiga kategori tersebut bersama-sama dengan sumbernya.

JADUAL 1.1 Kategori Definisi Radikalisasi

No.	Kategori	Sumber	Definisi
1.	Suatu fahaman atau kepercayaan yang menginginkan perubahan yang mendadak dalam politik dan sosial.	i. <i>Federal Bureau Investigations</i> (FBI), New York. ¹⁹	Suatu proses yang berlaku dalam diri seseorang pada bila-bila masa dan juga tidak semestinya membawa kepada tindakan.
		ii. Striegher (2015). ²⁰	Seseorang yang melalui proses radikalisasi tidak semestinya menerima ekstremisme ganas sebagai suatu ideologi dan juga tidak semestinya berkomitmen untuk terlibat dengan tindakan-tindakan yang menakutkan.
		iii. Jabatan Peguam Negara Australia, 2016. ²¹	Suatu proses di mana kepercayaan seseorang individu beralih daripada amalan lazim kepada sesuatu yang radikal dan menginginkan perubahan yang mendadak dalam masyarakat. Perkara yang diinginkan tidak semestinya sesuatu yang buruk dan individu-individu tersebut juga tidak semestinya menjadi ganas.

2. Suatu fahaman berunsur ganas yang menginginkan perubahan atau pembaharuan sosial dan politik	i.	Seksyen 2 dalam <i>Violent Radicalisation and Homegrown Terrorism Prevention Act of 2007</i> , Amerika Syarikat.	Radikalisasi ganas bermaksud suatu proses yang menerima pakai atau mempromosikan sistem kepercayaan ekstremisme bagi melancarkan sesuatu kekerasan atau kejadian ganas yang berasaskan ideologi untuk mencapai perubahan dari segi politik, agama atau sosial.
	ii.	<i>The Expert Group on Violent Radicalisation</i> (Kumpulan Pakar Radikalisasi Ganas), European Commission, 2006. ²²	Radikalisasi ganas menjurus kepada ekstremisme sehingga berlakunya keganasan.
	iii.	<i>Royal Canadian Mounted Police (RCMP)</i> , 2009 ²³	Suatu proses di mana seseorang individu, selalunya golongan muda yang tertarik dengan ideologi dan sistem kepercayaan yang menggalakkan peralihan dari kepercayaan kesederhanaan dan lazim ke arah pandangan ekstremisme.
	iv.	<i>United Nations Development Programme (UNDP)</i> ²⁴	Suatu proses di mana seseorang individu, selalunya golongan muda yang tertarik dengan ideologi dan sistem kepercayaan yang menggalakkan peralihan dari kepercayaan kesederhanaan dan lazim ke arah pandangan ekstremisme.
	v.	Allen (2007) ²⁵	Radikalisasi ganas adalah suatu proses yang menerima pakai sistem kepercayaan ekstremisme termasuk kesediaan untuk menggunakan, menyokong atau menerima tindakan ganas sebagai satu kaedah untuk mempengaruhi perubahan masyarakat.
	vi.	Frazer dan Nunlist (2015) ²⁶	Suatu proses perkembangan ideologi dan kepercayaan pelampau yang sangat berkait rapat dengan pengalaman pengganas atau pelampau ganas.
3. Suatu fahaman, tingkah laku atau perbuatan ganas seseorang individu atau sekumpulan yang menginginkan perubahan atau pembaharuan sosial dan politik.	i.	The Prevent Strategy, United Kingdom (UK), 2003. ²⁷	Suatu proses di mana seseorang menyokong untuk berlaku ganas dan bentuk-bentuk ekstremisme yang menuju ke arah keganasan.

Selain definisi-definisi yang telah dinyatakan, kajian ini juga mendapati terdapat dua tafsiran yang berbeza bagi istilah radikalisasi di Malaysia. Garis Panduan Pencegahan Fahaman Ekstremisme & Radikalisme Dalam Kalangan Belia dan Masyarakat yang disediakan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan (Garis Panduan IYRES)²⁸ memperuntukkan bahawa skop radikalisme adalah terhad kepada fahaman atau kepercayaan seseorang. Tafsiran ini sesuai dengan kategori pertama dalam Jadual 1 di atas.

Sementara itu, Garis Panduan Pencegahan Fahaman Ekstremisme & Radikalisme Dalam Angkatan Tentera Malaysia (Garis Panduan

ATM) mentafsirkan radikalisme dari segi konsep sebagai sikap dan jiwa dalam menuntut perubahan dan ia adalah suatu fahaman yang dibuat-buat oleh sekelompok orang yang menginginkan perubahan atau pembaharuan sosial dan politik secara drastik dengan menggunakan cara-cara kekerasan.²⁹ Berdasarkan kepada tafsiran ini, radikalisme dirujuk sebagai kedudukan minda, emosi dan juga perbuatan seseorang atau sekumpulan yang berhasratkan perubahan dari segi politik dan sosial dengan menggunakan cara ganas. Tafsiran ini tergolong dalam kategori ketiga dalam Jadual 1 di atas.

Berdasarkan kepada segolongan penulis Australia, satu-satunya perkara yang disetujui

oleh pakar-pakar mengenai radikalisis adalah ia merupakan suatu proses (Schmid, 2013).³⁰ Namun begitu, merujuk kepada definisi-definisi di atas, jelas bahawa elemen ‘minda’ juga penting dalam suatu proses radikalisis. Selain daripada elemen ‘proses’ dan ‘minda’, elemen-elemen dan faktor-faktor lain yang berkaitan dengan radikalisis adalah berbeza mengikut tafsiran dan analisis masing-masing. Persoalan utama di sini adalah sama ada elemen-elemen ganas, tingkah laku atau perbuatan turut dirangkumi oleh definisi radikalisis.

Perbezaan elemen-elemen ini menyebabkan proses radikalisis dibahagikan kepada radikalisis yang menjurus ke arah perbuatan ganas (radikalisis ganas) dan radikalisis yang tidak menjurus ke arah perbuatan ganas. Ini adalah selari dengan Wilner and Dubouloz (2011) yang menekankan, *“not all radicalization is necessarily negative, nor does radicalization necessarily lead to violence.”*³¹ Secara ringkasnya, radikalisis adalah suatu proses yang mampu mempengaruhi minda seseorang sehingga mengubah kepercayaan, pandangan, ideologi atau fahamannya daripada kesederhanaan kepada yang luar biasa atau ekstrem. Seseorang yang radikal akan menjejak ke peringkat seterusnya iaitu mula menerima sesuatu fahaman atau kepercayaan dan dikuasai secara ekstrem oleh fahaman atau kepercayaan tersebut sebelum terdorong ke arah ekstremisme ganas.

EKSTREMISME

Istilah melampau atau ekstremis selalunya dikaitkan dengan sejarah politik ekoran daripada fahaman fasis dan komunisme yang wujud sejak awal abad ke-20.³² Dengan itu, ekstremis disifatkan sebagai pelaku politik yang berkecenderungan untuk mengabaikan kedaulatan undang-undang dan menolak corak hidup masyarakat yang berbilang kaum, bangsa, agama dan ideologi. Walaupun definisi ekstremisme sering menjadi perdebatan segelintir pihak, secara umumnya, istilah tersebut digunakan untuk merujuk kedudukan melampau atau menyokong langkah-langkah atau pandangan melampau (Merriam-Webster). Ekstremisme didefinisikan sebagai kepercayaan seseorang yang luar biasa di mana orang ramai menganggap tidak munasabah dan tidak boleh diterima (The

Cambridge Dictionary). Definisi ekstremisme di bawah Kamus Dewan bukan sahaja merangkumi fahaman yang ekstrem tetapi termasuk juga sikap, perlakuan dan sebagainya.

Menurut Schmid (2013), *“while radicals might be violent or not, might be democrats or not, extremists are never democrats.”*³³ Hal ini kerana, seseorang yang berada dalam proses radikalisis masih lagi was-was untuk menerima atau tidak suatu fahaman atau kepercayaan melampau. Namun, seseorang yang ekstrem sudah pastinya telah pun menerima sesuatu fahaman atau kepercayaan melampau. Oleh itu, seseorang yang radikal mempunyai pemikiran yang lebih terbuka berbanding dengan yang ekstrem. Sebagaimana radikalisis, persoalan penting yang berbangkit di sini adalah sama ada ekstremisme melibatkan elemen minda sahaja atau turut mempengaruhi tingkah laku seseorang dan memerlukan penglibatannya dalam apa-apa perbuatan ganas.

Diperhatikan bahawa istilah ekstremisme digunakan tanpa diberi sebarang definisi khusus dalam beberapa dokumen PBB seperti Pengistiharan Mengenai Langkah-langkah Menghapuskan Keganasan Antarabangsa, 1994, Resolusi 1373 (2001) dan Resolusi 1566 (2004). Kajian ini juga mendapati triti-triti antarabangsa yang lain tidak mendefinisikan istilah ekstremisme secara spesifik. Dalam hal ini, *Shanghai Convention on Combating Terrorism, Separatism and Extremism 2001* (Shanghai Convention 2001) yang berkuatkuasa pada Mac 2003 didapati mendefinisikan istilah ekstremisme di bawah Artikel 1(3) sebagaimana yang berikut:

“Extremism” means any act intended to seize or retain power by force, bring about a change of the constitutional order of a State by force, as well as the undermining of public security by force, including the organization, for the above mentioned purposes, of illegal armed groups or participation therein, and subject to criminal prosecution under the national legislation of the Parties.

Berdasarkan kepada Artikel 1(3) dalam *Shanghai Convention 2001* di atas, ekstremisme didefinisikan sebagai satu tindakan paksaan yang bermotif politik bagi mengekalkan atau merampas kuasa, menentang arahan kerajaan dan mengancam keselamatan awam. Perbuatan sedemikian dianggap sebagai satu tindakan jenayah yang boleh didakwa di bawah undang-

undang negara-negara Berpihak kepada Shanghai Convention 2001. Definisi ini secara langsungnya merujuk ekstremisme sebagai satu perbuatan atau tindakan dan bukan setakat fahaman atau kepercayaan yang mempengaruhi minda seseorang.

Istilah ekstremisme didefinisikan sebagai berani bersuara atau menentang secara aktif nilai-nilai fundamental British termasuk demokrasi, kedaulatan undang-undang, kebebasan individu dan sikap hormat-menghormati serta bertolak ansur dengan kepercayaan dan akidah yang berbeza serta merangkumi kematian anggota angkatan tentera samada di dalam atau luar negara oleh Kerajaan UK dalam 'The Prevent Strategy'.³⁴ Definisi ekstremisme oleh Kerajaan UK jelas merangkumi elemen perbuatan dan ganas.

Peter Coleman and Andrea Bartoli berpandangan bahawa ekstremisme boleh ditafsirkan sebagai aktiviti disebabkan kepercayaan, kelakuan, perasaan, tindakan, strategi yang jauh berbeza daripada yang biasa.³⁵ Sementara itu, Roger Scruton ahli falsafah politik mentafsirkan ekstremisme dari konteks *Organization for Security and Co-operation in Europe* (OSCE) sebagaimana yang berikut:

1. idea yang sangat bertentangan dengan nilai-nilai sosial yang selalunya wujud disebabkan mengagungkan bangsa, agama atau sebarang ideologi sehingga menafikan hak kemanusiaan;
2. kaedah-kaedah kejam yang digunakan untuk merealisasikan idea-idea politik dengan mengabaikan nyawa, kebebasan dan hak asasi orang lain.

Neumann (2017) sebagai Wakil Khas bagi CVE dan Radikalisasi, OSCE telah merujuk tafsiran Roger Scruton di atas dalam laporan beliau. Walau bagaimanapun, Neumann berpandangan bahawa tafsiran ekstremisme tertakluk kepada perkara-perkara lazim dalam sesuatu masyarakat, sebahagian puak atau dalam jangka masa tertentu. Tafsiran ekstremisme juga amat bergantung kepada perbezaan politik, adat dan konteks sejarah.³⁶

Istilah ekstremisme juga digunakan dalam pelbagai konteks mengikut kesesuaian dan keperluan masing-masing khususnya oleh agensi-agensi Kerajaan di Malaysia. Sebagai contoh,

ekstremisme digunakan dari konteks sosial oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).³⁷ Sementara itu, definisi yang diperuntukkan dalam Garis Panduan IYRES didapati terhad kepada ekstremisme agama Islam. Garis Panduan IYRES yang menerima pakai tafsiran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia memperuntukkan bahawa ekstremisme adalah fahaman individu yang terlalu taksu melampau atau keterlaluan terhadap agama namun, tidak mempunyai kefahaman yang jelas tentang agama Islam terutamanya berkaitan hukum dan akidah. Penggunaan istilah ekstremisme oleh JPNIN dan IYRES adalah setakat merangkumi fahaman ekstrem seseorang dan tidak merujuk kepada tingkah laku atau perbuatan seseorang.

Pendekatan ini berbeza dengan Garis Panduan ATM yang mentafsirkan ekstremisme dengan lebih luas dan terperinci sebagaimana yang berikut:

"Ekstremisme bukan sahaja ditafsirkan sebagai fahaman atau keyakinan yang sangat kuat terhadap suatu pandangan yang melampaui batas kewajaran dan bertentangan dengan hukum yang berlaku. Fahaman ekstremisme sering menggunakan cara atau gerakan yang bersifat keras dan fanatik dalam mencapai tujuan. Ekstremisme mengakibatkan pertentangan-pertentangan antara satu dengan yang lain, menimbulkan perasaan saling mencurigai, sehingga mengakibatkan perpecahan antara satu dengan yang lain."

Definisi Garis Panduan ATM di atas didapati mirip dengan definisi Kerajaan UK yang bukan sahaja merujuk ekstremisme sebagai fahaman melampau malahan, turut merangkumi perbuatan-perbuatan bersifat keras lanjutan daripada fahaman tersebut.

Berdasarkan kepada definisi-definisi di atas, sebagaimana radikalisasi, konsep ekstremisme juga boleh dibahagikan kepada tiga kategori penting. Kategori pertama, merujuk kepada minda seseorang yang telah dipengaruhi oleh suatu fahaman atau kepercayaan ekstrem. Kategori kedua, merujuk kepada seseorang yang telah menerima suatu fahaman atau kepercayaan ekstrem sehingga terpantul dalam sikap atau tingkah lakunya. Kategori ketiga adalah seseorang yang terlibat dalam perbuatan ganas lanjutan daripada suatu fahaman atau kepercayaan ekstrem.

Merujuk semula kepada pandangan Neumann yang berasaskan kepada definisi Roger Scruton seperti di atas, konsep ekstremisme boleh

sentiasa berubah mengikut keperluan dan bidang tertentu. Misalnya, ekstremisme boleh ditafsirkan secara meluas dan berbeza dari perspektif undang-undang pencegahan ekstremisme ganas. Dengan itu, kajian ini mendapati ekstremisme adalah fahaman dan kepercayaan seseorang yang melampau atau jauh berbeza daripada norma masyarakat dari segi agama, politik, sosial dan ideologi sehingga mempengaruhi tingkah laku orang tersebut. Dalam konteks ini, tingkah laku bukan bermaksud penglibatan seseorang ekstremis dalam perbuatan ganas. Malahan, merujuk kepada sikap seseorang atau cara-cara seseorang ekstremis menyampaikan fahaman atau kepercayaan melampau tersebut bagi mempengaruhi orang lain supaya fahaman yang sama diterima. Cara-cara ini juga tidak berunsur ganas.

KEGANASAN

Penggunaan istilah *terrorism* amat berhubungkait dengan kaedah berpolitik yang seram atau menakutkan. Hal ini kerana, asal usul istilah tersebut adalah daripada terma *regime de la terror* yang bermaksud *The Reign of Terror* atau Pemerintahan Yang Menakutkan semasa Revolusi Perancis pada abad ke-18. Kata dasarnya, '*terror*' berasal daripada perkataan Latin iaitu *terrere* yang bermaksud 'untuk menakutkan' (Rastegari, 2014).³⁸ *Terrorism* diistilahkan sebagai 'keganasan' dalam bahasa Melayu.

Menurut Schmid (2004), istilah keganasan telah berubah dalam konteks semantik beberapa kali.³⁹ Pada akhir abad ke-18, keganasan berkonsepkan aksi-aksi pemerintah yang ganas bagi menjamin ketaatan rakyat. Keadaan ini telah berubah dari semasa ke semasa sehingga menjadi pembalasan (dendam) oleh individu dan kumpulan-kumpulan bukan kerajaan ke atas pemegang kuasa atau negara.⁴⁰ Keadaan ini juga dirujuk sebagai perubahan daripada kerajaan intimidasi kepada intimidasi ke atas kerajaan. Perkembangan ini secara tidak langsung menyebabkan istilah keganasan ditafsirkan secara berbeza-beza oleh pelbagai pihak. Sehingga dalam tahun 1988, terdapat sebanyak 109 definisi berbeza bagi istilah keganasan dan angka ini telah meningkat kepada 212 dalam tahun 1994.⁴¹

Istilah keganasan didefinisikan oleh *the Oxford English Dictionary* sebagaimana yang berikut:

1. *government by intimidation as directed and carried out by the party France during Revolution of 1789–94; and*
2. *policy intended to strike with terror those against whom it is adopted.*

Definisi pertama di atas merujuk kepada pelaku keganasan iaitu pemerintahan yang menakutkan oleh pihak pemerintah semasa Zaman Revolusi Perancis. Sementara itu, definisi kedua pula merujuk kepada tujuan keganasan dilakukan iaitu ke atas sesiapa yang melawan. Kamus Dewan mentafsirkan keganasan antarabangsa sebagai penggunaan kuasa secara sewenang-wenang tanpa menghiraukan undang-undang yang ada oleh seseorang atau kumpulan manusia secara terancang terhadap manusia atau harta benda dengan tujuan untuk menakutkan atau memaksa sesuatu kaum atau negara demi memperjuangkan ideologi atau kuasa politik masing-masing.

Istilah keganasan turut ditafsirkan oleh para sarjana dan pakar-pakar keganasan sejak bertahun-tahun. Menurut Schmid (2011), definisi akademik yang telah disemak semula mentafsirkan keganasan dari dua sudut yang berbeza. Menurut satu sudut, keganasan merujuk kepada satu bentuk fahaman atau doktrin mengenai keberkesanan taktik-taktik khusus yang digunakan dalam membina atau membentuk perasaan ketakutan atau kekejaman politik. Satu lagi sudut pula merujuk keganasan sebagai konspirasi yang dilaksanakan dengan cara demonstrasi atau perbuatan ganas tanpa sebarang halangan undang-undang dan batasan moral. Tindakan-tindakan sedemikian bertujuan untuk memenuhi atau menyampaikan propaganda dan memberi kesan psikologi ke atas masyarakat dan pihak-pihak dalam konflik.⁴²

Harvey (2003) menyenaraikan metod (ganas), sasaran (orang awam atau kerajaan) dan tujuan (untuk menimbulkan ketakutan dan paksaan politik atau perubahan sosial) sebagai tiga elemen penting keganasan.⁴³ Southers (2013) bersetuju dengan Harvey bahawa keganasan adalah satu tindakan yang merangkumi

sekurang-kurangnya tiga elemen. Namun, elemen pertama iaitu metod sahaja sama dengan Harvey. Manakala, elemen sasaran oleh Southers hanya memfokuskan orang awam. Elemen tujuan pula bermotifkan ideologi atau bermatlamat politik di mana perubahan sosial tidak dirangkumi.⁴⁴ Combs (2018) didapati meluaskan elemen-elemen Harvey kepada empat sebagaimana yang berikut:

1. merupakan satu tindakan ganas;
2. mempunyai motif atau matlamat politik;
3. dilakukan ke atas orang awam; dan
4. dilaksanakan di khalayak ramai untuk menakutkan dan ketakutan itulah hasil yang diinginkan.⁴⁵

Kegagalan PBB untuk mendapatkan persetujuan di kalangan 193 negara anggotanya mengenai perkara-perkara yang wajar dirangkumi oleh istilah keganasan dalam undang-undang jenayah antarabangsa salah satu sebab utama yang menghalang draf *Comprehensive Convention on International Terrorism* (CCIT) daripada dimuktamadkan.⁴⁶ Walaupun tidak terdapat definisi umum bagi istilah keganasan di peringkat antarabangsa namun, istilah tersebut atau istilah semirip telah diperuntukkan dalam undang-undang oleh setiap negara. Kebanyakan definisi ini berorientasikan skop perbuatan-perbuatan pengganas yang wajar dikategorikan sebagai kesalahan jenayah. Pada masa yang sama, definisi-definisi tersebut juga memperuntukkan elemen-elemen yang wajar dirangkumi oleh keganasan.

Kajian ini mendapati *United States Code*, Amerika Syarikat dan *Terrorism Act 2000*, UK menggunakan istilah keganasan. Manakala, istilah perbuatan pengganas digunakan dalam *Criminal Code Act 1995*, Australia dan Kanun Keseksaan, Malaysia. Istilah keganasan atau perbuatan pengganas di Amerika Syarikat, UK, Australia dan Malaysia ditafsirkan mengikut kesesuaian dan keperluan negara masing-masing. Namun, kesemuanya secara konsisten menyatakan bahawa keganasan adalah satu tindakan fizikal atau perbuatan mengancam, penggunaan atau ancaman ganas yang menyokong sesuatu yang berpunca daripada politik, agama, atau ideologi.

Di Malaysia, peruntukan-peruntukan khusus mengenai kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan keganasan terkandung dalam Bahagian

VIA Kanun Keseksaan. Walau pun istilah keganasan tidak ditafsirkan oleh Kanun Keseksaan, Seksyen 130B(2) memperuntukkan skop perbuatan pengganas dalam menjadikan suatu perbuatan atau ugutan sebagai satu kesalahan jenayah. Perbuatan pengganas tersebut juga berniat untuk mewujudkan ketakutan di kalangan orang awam atau mempengaruhi atau memaksa Kerajaan atau mana-mana organisasi antarabangsa untuk melakukan atau menahan daripada melakukan apa-apa perbuatan. Matlamat politik, agama atau ideologi manjadi salah satu elemen penting dalam melaksanakan perbuatan pengganas tersebut.⁴⁷ Seksyen 130B(3) berperanan dalam memberikan gambaran yang lebih jelas dengan menyenaraikan perbuatan atau ugutan yang boleh dikategorikan sebagai perbuatan pengganas.

Istilah keganasan didapati ditafsirkan oleh beberapa jabatan atau agensi kerajaan di Malaysia. Antaranya, Majlis Keselamatan Negara (MKN) mentafsirkan keganasan sebagai tindakan ugutan, paksaan, ganas atau apa-apa serangan yang dilakukan oleh seseorang, kumpulan atau negara ke atas sesebuah negara, rakyat, harta benda dan kemudahan-kemudahan asas dengan niat untuk mewujudkan ketakutan bagi memaksa sesebuah kerajaan atau organisasi agar menyokong permintaan mereka secara langsung atau tidak langsung.⁴⁸ Keunikannya adalah MKN bukan sahaja merujuk tindakan individu atau kumpulan dalam tafsirannya malahan, turut meliputi tindakan sesebuah negara. Namun, elemen niat dalam tafsiran tersebut didapati hanya merujuk kepada mewujudkan ketakutan ke atas kerajaan atau organisasi dan bukan orang awam atau rakyat biasa.

Selain MKN, penyelidikan ini mendapati Garis Panduan ATM memperuntukkan definisi bagi istilah “terorisme” dan bukannya keganasan. Garis Panduan ATM memperuntukkan bahawa “Terorisme bermaksud membuat ketakutan atau membuat gentar.” Secara etimologi, istilah *terror* bermaksud menciptakan ketakutan yang dilakukan oleh individu atau golongan tertentu. Terorisme adalah fahaman yang menggunakan kekerasan untuk menciptakan ketakutan dalam usaha mencapai tujuan politik.” Walau pun definisi yang diberikan adalah dari segi praktikal dan etimologi namun, definisi-definisi tersebut didapati kabur dan terhad maksudnya.

Ini kerana definisi di atas gagal memperincikan beberapa aspek seperti:

1. sama ada keganasan adalah satu fahaman atau tindakan;
2. mewujudkan ketakutan di kalangan siapa; dan
3. siapakah yang dirangkumi dengan perkataan “golongan tertentu.”

Pada asasnya, istilah keganasan amat berhubungkait dengan aktiviti-aktiviti keganasan yang dilakukan atau dibiayai oleh sesebuah negara. Namun, kini istilah tersebut selalunya merujuk kepada kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh individu atau kumpulan-kumpulan bukan kerajaan.⁴⁹ Dengan mengambil kira tujuan asal istilah keganasan dan perkembangan semasa, kajian ini merujuk keganasan sebagai suatu perbuatan atau ugutan ganas (kaedah) yang dilakukan oleh seseorang, kumpulan atau negara (pelaku) ke atas rakyat, harta benda rakyat atau negara atau sesebuah kerajaan (sasaran) dengan niat untuk mewujudkan perasaan tidak selamat dan menakutkan rakyat dan/atau mempengaruhi atau memaksa sesebuah kerajaan atau organisasi untuk bertindak atau menghalang daripada bertindak (niat) bagi mencapai suatu matlamat politik, agama atau ideologi (matlamat). Kajian ini juga mendapati perkataan rakyat wajar digunakan sebagai sasaran keganasan berbanding dengan perkataan orang awam memandangkan kini, anggota-anggota polis atau tentera juga turut menjadi mangsa keganasan. Berdasarkan kepada tafsiran ini, keganasan terdiri daripada sekurang-kurangnya lima elemen penting iaitu kaedah, pelaku, sasaran, niat dan malamat.

DEFINISI EKTREMISME GANAS

Secara amnya, dua persoalan lazim yang dibangkitkan dalam usaha untuk mendefinisikan ekstremisme ganas. Soalan pertama, adakah ekstremisme ganas merujuk kepada pemikiran, tingkah laku atau perbuatan seseorang. Kemusykilan ini adalah sama seperti yang wujud semasa mengkaji definisi radikalisme dan ekstremisme. Soalan kedua, sama ada keganasan adalah ekstremisme ganas. Jawapan bagi kedua-dua soalan ini adalah penting dalam mengenal pasti definisi ekstremisme ganas dan hubungan kait antara keempat-empat istilah ini. Oleh itu,

perbincangan seterusnya akan menjurus ke arah jawapan kepada soalan-soalan ini.

Berbeza dengan istilah-istilah lain seperti radikalisme, ekstremisme dan keganasan, istilah ekstremisme ganas tidak ditemui dalam mana-mana kamus atau buku-buku istilah. Oleh itu, definisi bagi istilah ‘violent’ dan ‘extremism’ dicari secara berasingan dalam beberapa kamus dan buku-buku istilah. Memandangkan definisi ‘extremisme’ telah pun dibincangkan secara terperinci dalam bahagian di atas, bahagian ini terus memfokuskan definisi ‘violent’. ‘Violent’ diistilahkan sebagai ‘ganas, kuat, keras’ dalam bahasa Melayu.⁵⁰ Berdasarkan kepada Black Law’ Dictionary (2011), ‘violent’ dikaitkan dengan serangan ke atas fizikal secara kuat atau ekstrem. ‘Violent’ didefinisikan oleh *Merriam-Webster* sebagai –

1. *marked by the use of usually harmful or destructive physical force;*
2. *showing or including violence.*

The Cambridge Dictionary mendefinisikan ‘violent’ sebagai menggunakan kuasa untuk mengancam atau menyerang. Kamus Dewan mendefinisikan perkataan ‘ganas’ sebagai cenderung merosakkan harta benda, mencederakan orang, mengamuk, menyerang dan sebagainya. Berdasarkan kepada tafsiran kamus-kamus di atas, jelas bahawa perkataan ‘violent’ atau ‘ganas’ melibatkan tindakan atau perbuatan ganas yang amat berkait rapat dengan serangan fizikal.

Beberapa pihak menghujah bahawa ekstremisme ganas merujuk kepada ideologi yang menyokong penggunaan ganas bagi mencapai matlamat dari segi politik, agama, sosial, ekonomi dan ideologi. Sebahagian lagi menghujah bahawa ekstremisme ganas merujuk kepada tingkah laku ekstrem seseorang. Ada juga yang mentafsirkan ekstremisme ganas sebagai kepercayaan dan perbuatan ganas. Segelintir lagi merujuk ekstremisme ganas sebagai perbuatan ganas dan segelintir lain menghujah bahawa ekstremisme ganas adalah perbuatan ganas yang berasaskan ideologi. Berdasarkan kepada pandangan-pandangan yang berbeza ini, definisi-definisi ekstremisme ganas dibahagikan dan seterusnya dikaji mengikut empat kategori yang berikut iaitu ideologi,

tingkah laku, kepercayaan dan perbuatan ganas, dan perbuatan ganas. Pembahagian sedemikian penting bagi mengenal pasti elemen-elemen ekstremisme ganas dengan tepat untuk dirangkumi di bawah suatu definisi umum.

IDEOLOGI

Kerajaan Sweden dalam penerbitannya bertajuk, *Actions to Make Society More Resilient to Violent Extremism 2015* mentafsirkan ekstremisme ganas sebagai suatu ideologi yang menerima dan mengesahkan tindakan ganas sebagai suatu cara untuk merealisasikan ideologi, pendapat dan idea yang melampau. Tafsiran yang sama telah diperuntukan dalam *National Strategy to Counter Violent Extremism 2016* yang disediakan dan diterbitkan oleh *Swedish National Coordinator for Protecting Democracy against Violent Extremism*.

Striegher (2015) juga menekankan bahawa ekstremisme ganas bukan perbuatan.⁵¹ Sebaliknya, satu ideologi yang menerima atau menyokong penggunaan ganas dalam mencapai sesuatu matlamat dari segi sosial, kaum, agama dan/atau politik. Striegher turut berpandangan bahawa seseorang individu boleh menyokong ideologi ekstremisme ganas tanpa melakukan sesuatu jenayah.

Tafsiran Striegher dan Kerajaan Sweden di atas memberikan gambaran bahawa ideologi dan prosesnya jarang bersifat jenayah. Walau bagaimanapun, pendapat Striegher yang menyatakan ekstremisme ganas sebagai satu ideologi yang “menyokong” penggunaan ganas adalah mengelirukan. Hal ini kerana, perkataan “menyokong” jelas merujuk kepada tingkah laku atau perbuatan seseorang. Oleh itu, adalah mustahil untuk mengesan sama ada seseorang “menyokong” penggunaan ganas atau tidak dengan membaca mindanya.

TINGKAH LAKU

Berdasarkan kepada definisi *Crown Prosecutor Service* di United Kingdom (UK), (2004) ekstremisme ganas adalah tingkah laku seseorang untuk menyampaikan suatu pandangan yang membangkitkan orang, mencetuskan atau mewujudkan keadaan tidak selesa dalam masyarakat dan menyokong perbuatan penganas

atau penglibatan orang lain dalam jenayah serius dan bukan merujuk kepada penglibatan secara langsung dalam sesuatu jenayah itu sendiri.⁵² Dengan kata lain, definisi ini merujuk kepada tingkah laku dan cara atau medium penyampaian pandangan dan bukannya suatu perbuatan tidak kira ganas atau sebaliknya.

Pendekatan yang sama telah diikuti oleh *Organization for Economic Cooperation and Development* (OECD, 2016) dalam mendefinisikan ekstremisme ganas. Menurut OECD, ekstremisme ganas adalah mengemukakan pandangan yang mendorong dan menghasut ganas dalam memajukan kepercayaan tertentu dan membangkitkan kebencian yang boleh membawa kepada berlaku ganas antara masyarakat.⁵³

KEPERCAYAAN DAN PERBUATAN GANAS

Kerajaan Australia⁵⁴ dan *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO)⁵⁵ mendefinisikan ekstremisme ganas sebagai kepercayaan dan tindakan orang yang menyokong atau menggunakan ganas untuk mencapai matlamat sesuatu ideologi, agama atau politik. Ini termasuk keganasan dan lain-lain bentuk tindakan ganas yang bermotivasi politik dan komunal. Menurut Baker (2017) yang mengemaskinikan laporan mengenai pelaksanaan langkah-langkah CVE oleh Kerajaan Australia, ekstremisme ganas juga merujuk kepada perbuatan seseorang atau sesebuah kumpulan yang memutuskan bahawa ketakutan dan ganas adalah sesuatu yang wajar dalam mencapai ideologi atau perubahan politik atau sosial.⁵⁶

PERBUATAN GANAS

Menurut FBI, New York, ekstremisme ganas adalah “mengalakkan, mengesahkan, menjustifikasikan atau menyokong berlaku ganas untuk mencapai matlamat politik, ideologi, agama, sosial dan ekonomi.⁵⁷ *United States Agency International Development* (USAID), merujuk ekstremisme ganas sebagai membela, melibatkan diri, merancang atau menyokong perbuatan ganas yang berasas daripada ideologi atau menjustifikasikan ganas untuk mencapai suatu matlamat dari segi sosial, ekonomi atau politik.⁵⁸ Sementara itu, *United States*

Government Accountability Office (GAO, 2017) mendefinisikan ekstremisme ganas sebagaimana yang berikut:

*Violent extremism generally defined as supporting or committing violent acts to achieve political, ideological, religious, or social goals has been perpetrated and promoted by a broad range of groups in the United States for decades.*⁵⁹

Definisi GAO didapati lebih jelas berbanding dengan FBI, New York dan USAID apabila merujuk ekstremisme ganas sebagai melakukan perbuatan ganas. *National Counter-Terrorism Committee*, Australia turut mendefinisikan ekstremisme ganas sebagai kesediaan untuk menggunakan atau menyokong penggunaan ganas untuk memajukan kepercayaan tertentu, termasuk kepercayaan yang bersifat politik, sosial atau ideologi.⁶⁰ Sarjana-sarjana berikut didapati merujuk ekstremisme ganas sebagai perbuatan ganas. Menurut Harris-Hogan (2017), ekstremisme ganas melibatkan seseorang individu atau kumpulan yang berusaha untuk mengubah polisi masyarakat atau kerajaan melalui ancaman atau penggunaan ganas untuk mencapai suatu matlamat ideologi, agama atau politik.⁶¹ Kotajoki (2018) didapati mengikut definisi FBI, New York dan USAID yang sering merujuk ekstremisme ganas sebagai kesanggupan untuk menggunakan ganas atau menyokong berlaku ganas bagi membela fahaman tertentu. Kotajoki juga berpandangan bahawa fahaman tersebut tidak semestinya sesuatu yang bermasalah dari perspektif undang-undang jenayah.⁶² Misalnya, fahaman agama bukan sesuatu yang dilarang oleh undang-undang tetapi fahaman agama yang melampau sehingga membunuh orang lain adalah melanggar undang-undang. Perkara ini juga dijelaskan oleh Kruglanski, Jasko, Webber, Chernikova dan Molinario (2018). Menurut mereka, ekstremisme ganas berlaku apabila seseorang individu membuat keputusan untuk mengambil senjata, memakai tali pinggang bunuh diri atau memandu kenderaan di tempat orang ramai berkerumun dengan berniat untuk membunuh dan mencederakan orang lain.⁶³

1. Adakah ekstremisme ganas merujuk kepada pemikiran, tingkah laku atau perbuatan seseorang?

Walaupun para sarjana, pakar-pakar, agensi kerajaan dan bukan kerajaan mempunyai pandangan yang berbeza mengenai konsep ekstremisme ganas tetapi kebanyakannya bersepakat bahawa ekstremisme ganas bertujuan untuk mencapai matlamat atau perubahan dari segi politik, sosial, ekonomi, agama dan ideologi. Berdasarkan kepada perbincangan di atas, kajian ini mendapati ekstremisme ganas merangkumi elemen ganas yang merupakan elemen tambahan atau berbeza dengan istilah ekstremisme. Elemen ganas ini hanya boleh dikenal pasti melalui perbuatan seseorang sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam sesuatu kejadian. Dengan kata lain, ekstremisme ganas bukan sekadar merujuk kepada ideologi, fahaman, kepercayaan dan tingkah laku melampau atau ekstrem seseorang atau sesebuah kumpulan' sebagaimana yang membawa maksud oleh istilah ekstremisme.

Oleh itu, jelas bahawa ekstremisme ganas merujuk kepada perbuatan ganas (kaedah) seseorang atau sesebuah kumpulan (pelaku) lanjutan daripada suatu fahaman atau kepercayaan ekstrem (punca) ke atas individu atau kumpulan sosial tertentu dan harta benda individu atau kumpulan sosial tertentu (sasaran) untuk mencapai matlamat atau perubahan dari segi politik, sosial, ekonomi, agama dan ideologi (matlamat). Berdasarkan kepada tafsiran ini, sebagaimana keganasan, ekstremisme juga terdiri daripada sekurang-kurangnya lima elemen penting iaitu kaedah, pelaku, punca, sasaran dan motif.

2. Adakah keganasan adalah ekstremisme ganas?

Memandangkan ekstremisme ganas seringkali merujuk kepada perbuatan ganas lanjutan daripada suatu fahaman atau

kepercayaan ekstrem, maka istilah tersebut turut merangkumi tindakan-tindakan ganas seperti rusuhan disebabkan perbezaan ideologi politik, kegiatan jenayah yang berpunca daripada perasaan kebencian dan juga keganasan. Cara pelaksanaan sesuatu perbuatan ganas adalah berbeza dan terpulung kepada seseorang ekstremis ganas atau sesebuah kumpulan ekstremis ganas. Dalam hal ini, keganasan juga dirujuk sebagai salah satu metod untuk mencapai suatu matlamat (Katajoki 2018; Baisagatova, Kemelbekov, Smagulova dan Kozhambardiyeva 2016; Nasser-Eddine, Garnham, Agostino dan Caluya 2011).

Memandangkan keganasan dikategorikan di bawah ekstremisme ganas maka, kebanyakan elemen-elemen keganasan adalah sama dengan ekstremisme ganas. Pada masa yang sama, niat untuk mewujudkan perasaan tidak selamat dan menakutkan rakyat dan/atau mempengaruhi atau memaksa sesebuah kerajaan atau organisasi untuk bertindak atau menghalang daripada bertindak merupakan elemen tambahan bagi istilah keganasan. Serangan atau ancaman keganasan lazimnya berniat untuk menimbulkan dan menyebarkan ketakutan di kalangan orang awam. Hal ini berbeza dengan ekstremis ganas yang lebih mementingkan matlamat utama yang ingin dicapai dan tidak berniat semata-mata untuk menimbulkan atau menyebarkan ketakutan. Selain itu, sesuatu serangan atau ancaman juga disifatkan sebagai keganasan apabila kerajaan semasa atau ahli politik dari kerajaan semasa dijadikan sasaran.

KESIMPULAN

Diakui bahawa kelahiran istilah ekstremisme ganas amat bersangkutan paut dengan langkah-langkah pencegahan keganasan. Namun begitu, istilah tersebut mula berubah semantikanya sejajar dengan perkembangan semasa.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, radikalisme merupakan suatu proses yang mampu mempengaruhi minda seseorang sehingga mengubah fahaman, kepercayaan, pandangan atau ideologi daripada kesederhanaan kepada ekstrem. Seseorang yang radikal mula menerima suatu fahaman atau kepercayaan ekstrem sehingga mengubah tingkah lakunya. Peringkat ini dikenali

sebagai ekstremisme. Lanjutan daripada fahaman atau kepercayaan tersebut, seseorang berkecenderungan untuk menggunakan ganas atau melakukan perbuatan ganas untuk mencapai matlamat atau perubahan dari segi politik, sosial, ekonomi, agama dan ideologi. Peringkat ekstremisme ganas ini dikenali sebagai *out-come* atau *end state* kepada satu proses yang melibatkan individu biasa berubah menjadi radikal yang kemudiannya ekstrem sehingga terlibat dalam perbuatan ganas. Konsep ekstremisme yang luas ini menyebabkan ia merangkumi apa-apa perbuatan ganas dilakukan lanjutan daripada sesuatu fahaman atau kepercayaan. Ini juga termasuk keganasan. Keganasan adalah salah satu metod aktiviti jenayah yang berniat untuk mewujudkan ketakutan melalui serangan fizikal yang amat teruk.

Walau bagaimanapun, berbanding dengan istilah ekstremisme dan keganasan, penyelidikan ini mendapati istilah ekstremisme ganas hampir tidak ditafsirkan oleh mana-mana agensi kerajaan, pertubuhan atau penulis-penulis di Malaysia. Sebagaimana di peringkat antarabangsa, Malaysia juga selesa dan berkecenderungan untuk menggunakan istilah ekstremisme ganas mengikut keperluan masing-masing dan secara bergantian dengan istilah lain tanpa memberikan sebarang definisi atau tafsiran khusus. Sehingga awal tahun 2020, *Preventing Violent Extremism in Malaysia: Understanding The Phenomena Through A Gender Lens* merupakan satu-satunya dokumen bertulis dan diterbitkan yang mentafsirkan istilah ekstremisme ganas di Malaysia. Lim dan Kuga Thas (2018) telah menjejaki Streighar dalam mentafsirkan ekstremisme ganas sebagai satu ideologi yang menerima penggunaan ganas untuk mencapai matlamat dari segi sosial, bangsa, agama dan/atau politik.

Keadaan di Malaysia yang tidak terdapat sebarang definisi ekstremisme ganas kecuali daripada Lim dan Kuga Thas di atas jelas menggambarkan dilema Malaysia dalam hal perkara ini. Definisi ekstremisme ganas penting memandangkan pendakwaan hanya boleh dibuat apabila seseorang itu merancang, membuat persediaan dan/atau sesuatu perbuatan yang melanggar undang-undang dilakukan. Sementara itu, pendekatan yang berbeza wajar digunakan ke atas seseorang yang radikal dari segi minda atau

bertingkah laku ekstrem. Oleh itu, kajian ini menekankan bahawa satu definisi ekstremisme ganas yang diterima umum adalah satu keperluan yang wajar diberi perhatian di peringkat global. Tanpa suatu definisi yang jelas bagi istilah ekstremisme ganas adalah sukar bagi Malaysia untuk membangunkan langkah-langkah pencegahan yang berkesan termasuk rang undang-undang dan pelan tindakan negara. Kajian lanjut juga diperlukan bagi meneliti jenis-jenis ekstremis ganas di Malaysia bagi memastikan definisi ekstremisme ganas yang digubal pada masa kelak adalah sesuai dari segi polisi dan perundangan Malaysia.

NOTA

- ¹ Perkataan ‘ganas’ yang digunakan dalam artikel ini merujuk kepada perkataan ‘violent’ dan ‘violence’ dalam bahasa Inggeris. Frasa-frasa seperti ‘use of violence’ lebih sesuai diterjemahkan sebagai ‘menggunakan keganasan.’ Namun, frasa ‘penggunaan ganas’ digunakan dalam konteks ini bagi mengelakkan kekeliruan dengan perkataan ‘keganasan’ yang turut bererti ‘terrorism’.
- ² Alex P. Schmid, *Terrorism- The Definitional Problem*. Case Western Reserve Journal of International Law 36(2), 2004, hlm 375-419.
- ³ Peter R. Neuman, *Countering Violent Extremism and Radicalisation that Lead to Terrorism: Ideas, Recommendations and Good Practices from the OSCE Region*, International Centre for the Study of Radicalisation (ICSR), King’s College London, 2017, hlm 5.
- ⁴ Owen Frazer & Christian Nunlist, *The Concept of Countering Violent Extremism*, CSS Analyses in Security Policy, No. 183, December 2015, hlm 2.
- ⁵ Fox, R., Gwot is history. Now for Save, New Statesman, 8 August 2005 <https://www.newstatesman.com/node/195357> (31 Ogos 2019).
- ⁶ David H. Ucko, *Preventing Violent Extremism Through the United Nations: The Rise and Fall of a Good Idea*, *International Affairs* 94: 2 (2018), hlm 255
- ⁷ *Full text of President Obama’s 2014 address to the United Nations General Assembly*, *Washington Post*, 24 September 2014, https://www.washingtonpost.com/politics/full-text-of-president-obamas-2014-address-to-the-united-nations-general-assembly/2014/09/24/88889e46-43f4-11e4-b437-1a7368204804_story.html (2 September 2019).
- ⁸ C. Cora True-Frost, *When the UN Addresses the Conditions Conducive to Terrorism, What Happens to Human Rights*, 2017, Mich. St. L. Rev., hlm 808.
- ⁹ Jason-Leigh Striegner, *Violent-extremism: An Examination of a Definitional Dilemma*, The Proceedings of [the] 8th Australian Security and Intelligence Conference, 30 November – 2 December, 2015, Edith Cowan University Joondalup Campus, Perth, Western Australia, hlm 47.
- ¹⁰ A/RES/70/674
- ¹¹ A/RES/70/254
- ¹² Federal Bureau of Investigations, *The Radicalization Process: From Jihad to Conversation*, FBI Counterterrorism Division, 2006, hlm 4.
- ¹³ Mitchell D. Silber and Arvin Bhatt, *Radicalisation in the West: The Homegrown Threat*, New York: NYPD Intelligence Division, 2007.
- ¹⁴ Fathali M. Moghaddam, *From the Terrorist’ Point of View: What they Experience and Why They Come to Destroy* Wesport and London: Praeger Security International, 2006.
- ¹⁵ Randy Borum, Radicalisation into Violent Extremism II: A Review of Conceptual Models and Empirical Research, *Journal of Strategic Security*, (2011), Vol. 4, Issue 4, hlm 9.
- ¹⁶ Kumar Ramakrishna, *A Theoretical Framework for Understanding Radicalisation into Violent Extremism*, SEARCCT, 2013, hlm 1.
- ¹⁷ Alex P. Schmid, *Radicalisation, De-Radicalisation, Counter-Radicalisation: A Conceptual Discussion and Literature Review*, International Centre for Counter-Terrorism, The Hague, 2013, hlm 7.
- ¹⁸ Alex P. Schmid, *Radicalisation, De-Radicalisation, Counter-Radicalisation: A Conceptual Discussion and Literature Review*, hlm 1.
- ¹⁹ Federal Bureau of Investigations, *The Radicalization Process: From Jihad to Conversation*.
- ²⁰ Jason-Leigh Striegner, *Violent-extremism: An Examination of a Definitional Dilemma*, hlm 79.
- ²¹ Attorney-General’s Department, *Living Safe Together* (Canberra: Commonwealth of Australia, 2016) <https://www.livingsafetogether.gov.au/information/Documents/preventing-violent-extremism-and-radicalisation-in-australia.PDF> (15 November 2019).
- ²² Expert Group, *Radicalisation Processes Leading to Acts of Terrorism. A Concise Report prepared by the European Commission’s Expert Group on Violent Radicalisation*. Submitted to the European Commission, 2008, hlm 7.
- ²³ Royal Canadian Mounted Police, *Radicalization: A Guide for The Perplexed*, 2009, hlm 1.
- ²⁴ United Nations Development Programme, *Preventing Violent Ekstremism Through Promoting Inclusive Development, Tolerance and Respect for Diversity: A Development Response to Addressing Radicalization and Violent Extremism*, 2016, hlm 17.
- ²⁵ Allen, C. *Threat of Islamic Radicalization to the Homeland, written testimony to the U.S. Senate Committee on Homeland Security and Governmental Affairs*, Washington, D.C., 2007, hlm 4.
- ²⁶ Owen Frazer dan Christian Nunlist, *The Concept of Countering Violent Extremism*, hlm 2.
- ²⁷ House of Commons, Home Affairs Committee, *Roots of Violent Radicalisation*. Nineteenth Report of Session 2010-12, Volume I: Report, together with formal minutes, oral and written evidence, London: House of Commons, (2012).
- ²⁸ Garis Panduan IYRES, 2017, hlm 2.
- ²⁹ Garis Panduan ATM, 2016, hlm 2.
- ³⁰ Alex P. Schmid, *Radicalisation, De-Radicalisation, Counter-Radicalisation: A Conceptual Discussion and Literature Review*, hlm 1.
- ³¹ Wilner, A. S., & Dubouloz, C.-J., *Transformative Radicalization: Applying Learning Theory to Islamist*

- Radicalization*, Studies in Conflict & Terrorism, 34(5), 2011, hlm 420.
- ³² Alex P. Schmid, *Radicalisation, De-Radicalisation, Counter-Radicalisation: A Conceptual Discussion and Literature Review*, hlm 8.
- ³³ Alex P. Schmid, *Violent and Non-Violent Extremism: Two Sides of the Same Coin?* International Centre for Counter-Terrorism- The Hague, Research Paper, May 2014, hlm 15.
- ³⁴ House of Commons, Home Affairs Committee, *Roots of Violent Radicalisation*.
- ³⁵ Peter T. Coleman and Andrea Bartoli, *Addressing Extremism, White Paper*, New York: The International Center for Cooperation and Conflict Resolution, hlm 1. <https://libertyunderattack.com/wp-content/uploads/2015/06/Addressing-Extremism-ICCCR-ICAR.pdf> (28 Nov 2019).
- ³⁶ Peter R. Neuman, *Countering Violent Extremism and Radicalisation that Lead to Terrorism: Ideas, Recommendations and Good Practices from the OSCE Region*, hlm 15.
- ³⁷ Ramalinggam Rajamanickam, Tengku Noor Azira Tengku Zainudin, Zainunnisaa Abd. Rahman & Mohd Zamree Mohd Zahir, *Extremism in Malaysia: The Quest for a Legal Definition*. Global and Stochastic Analysis, MUK Publications, 2018, Vol.5. No.7. hlm 326.
- ³⁸ Rastegari, B. 2014. Violation of Fundamental Liberties in Counter-Terrorism Measures: A Human Rights Approach. Tesis Dr. Fal, Fakultas Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 47.
- ³⁹ Alex P. Schmid, *Terrorism- The Definitional Problem*, 2004.
- ⁴⁰ Kamarudin Salleh. 2015. Terorisme Kontemporari dan Umat Islam. Dlm Mazlan Ibrahim, Kamarudin Salleh & Wan Haslan Khairuddin (pnyt.). *Prosiding Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan Ke-VIII*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 114.
- ⁴¹ Khurshid Iqbal, *Defining Terrorism in Pakistani Anti-Terrorism Law*, Global Journal of Comparative Law, hlm 273.
- ⁴² Alex P. Schmid, *The Routledge Handbook of Terrorism Research*, Taylor & Francis, 2011.
- ⁴³ Harvey W. Kusher, *Encyclopedia of Terrorism*, Sage Publications, 2003, hlm 359.
- ⁴⁴ Erroll Southers, *Homegrown Violent Extremism*, Elsevier, 2013, hlm 2.
- ⁴⁵ Cynthia C. Combs, *Terrorism in The Twenty-First Century*, Eight Edition, Routledge Taylor & Francis Group, New York and London, 2018.
- ⁴⁶ Violent Extremism and Terrorism (Legal Aspects) AALCO/54/BEIJING/2015/Sd/S9, hlm 11.
- ⁴⁷ Sekyen 130B(2)(b) Kanun Keseksaan (Akta 574).
- ⁴⁸ Ahmad Zahid Hamid, *Malaysia's Policy on Counter Terrorism and Deradicalisation Strategy*, Journal of Public Security and Safety, Vol. 6 No. 2/2016, hlm 4.
- ⁴⁹ Erroll Southers, *Homegrown Violent Extremism*, hlm 2.
- ⁵⁰ Rachel Jaques, Gavin Xavier, OOi Peng Koon, Kartini Dalina Mohd Daud, Sivabarathi Munikanan, Velary Trisha, Annes Yeoh, Tabitha Dass, *Istilah Undang-undang*, Sweet & Maxwell Asia, 2008.
- ⁵¹ Jason-Leigh Striegher, *Violent-extremism: An Examination of a Definitional Dilemma*, hlm 79.
- ⁵² Jason-Leigh Striegher, *Violent-extremism: An Examination of a Definitional Dilemma*, hlm 79.
- ⁵³ Organization for Economic Cooperation and Development (OECD), Development Assistance Committee (2016). DAC High Level Meeting, Communiqué of 19 February 2016 <https://www.unodc.org/e4j/en/terrorism/module-2/key-issues/radicalization-violent-extremism.html> (30 Januari 2020).
- ⁵⁴ Sofia Patel, Special Report: *The Sultanate of Women, Exploring Female Roles in Perpetrating and Preventing Violent Extremism*, Australian Strategic Policy Institute, 2017, hlm 7.
- ⁵⁵ United Nations, UNESCO (2017). *Preventing Violent Extremism Through Education: A Guide For Policy-Makers*. Paris, France. <https://www.unodc.org/e4j/en/terrorism/module-2/key-issues/radicalization-violent-extremism.html> (30 Januari 2020).
- ⁵⁶ Baker, C., *Update on Australian Government Measures to Counter Violent Extremism: A Quick Guide*, Parliamentary Library, Information Analysis Advice, Research Paper Series, 2017-18, hlm 1.
- ⁵⁷ <https://www.fbi.gov/cve508/teen-website/what-is-violent-extremism> (27 Februari 2020).
- ⁵⁸ United States Agency International Development, *From The American People (USAID)*, 2011, hlm 2.
- ⁵⁹ United States Government Accountability Office (GAO), *Countering Violent Extremism: Actions Needed to Define Strategy and Assess Progress of Federal Efforts*, 2017, hlm 1.
- ⁶⁰ Nasser-Eddine, M., Garnham, B., Agostino, K., dan Caluya, G. (2011). *Countering Violent Extremism (CVE) Literature Review* Counter Terrorism and Security Technology Centre, 2011, hlm 9.
- ⁶¹ Shandon Harris-Hogan, *Violent Extremism in Australia: An Overview, Trends & Issues in Crime and Criminal Justice*, March 2017, No. 491, hlm 1.
- ⁶² Jienna Kotajoki, *Preventing Violent Extremism and Crime in The Nordic Countries: Similarities, Synergies and Ambiguities*, 2018, hlm 4.
- ⁶³ Kruglanski A., Jasko K., Webber D., Chernikova M., dan Molinaro E., *The Making of Violent Extremists*, Review of General Psychology, 2018, 22(1), hlm 107.

RUJUKAN

- Allen, C. 2007. *Threat of Islamic Radicalization to the Homeland, written testimony to the U.S. Senate Committee on Homeland Security and Governmental Affairs*. Washington, D.C.
- Asian-African Legal Consultive Organization, 2015. *Violent Extremism and Terrorism (Legal Aspects)*, AALCO/54/BEIJING/2015/Sd/S9.
- Attorney-General's Department, 2016. *Living Safe Together*, Canberra: Commonwealth of Australia, <https://www.livingsafetogether.gov.au/information/Documents/preventing-violent-extremism-and-radicalisation-in-australia.PDF> (15 November 2019).
- Baisagatova, D. B., Kemelbekov, S. T., Smagulova, D. A., & Kozhamberdiyeva, A. S. 2016. Correlation of concepts" extremism" and" terrorism" in countering the financing of terrorism and extremism.

- International Journal of Environmental and Science Education* 11(13): 5903-5915.
- Baker, C. 2018. *Update on Australian Government Measures to Counter Violent Extremism: A Quick Guide*. Parliamentary Library, Information Analysis Advice, Research Paper Series.
- Black's Law Dictionary*. 2011. Fourth Pocket Edition. Thomson Reuters.
- Borum, R. 2011. Radicalization into violent extremism II: A review of conceptual models and empirical research. *Journal of Strategic Security* 4(4): 37-62.
- Cambridge Dictionary. 2019. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/>
- Coleman, P.T. and Bartoli, A. 2003. Addressing extremism. *White Paper*. New York: The International Center for Cooperation and Conflict Resolution, Colombia University. <https://libertyunderattack.com/wp-content/uploads/2015/06/Addressing-Extremism-ICCCR-ICAR.pdf> (28 Nov 2019).
- Combs, C. C. 2017. *Terrorism in the Twenty-First Century*. Routledge.
- Expert Group, 2008. *Radicalisation Processes Leading to Acts of Terrorism. A Concise Report prepared by the European Commission's Expert Group on Violent Radicalisation*.
- Federal Bureau of Investigations. 2006. *The Radicalization Process: From Jihad to Conversation*, FBI Counterterrorism Division.
- Fox, R. 2005. *Gwot is history. Now for Save*. New Statesman. <https://www.newstatesman.com/node/195357> (31 Ogos 2019).
- Frazer, O. and Nünlist, C. 2015. The concept of countering violent extremism. *CSS Analyses in Security Policy* 183.
- Full text of President Obama's 2014 address to the United Nations General Assembly, Washington Post*, 24 September 2014, https://www.washingtonpost.com/politics/full-text-of-president-obamas-2014-address-to-the-united-nations-general-assembly/2014/09/24/88889e46-43f4-11e4-b437-1a7368204804_story.html (2 September 2019).
- Gupta, K. D. 2008. *Understanding Terrorism and Political Violence*. Routledge.
- Harris-Hogan, S. 2017. *Violent Extremism in Australia: An Overview, Trends & Issues in Crime and Criminal Justice* (491): 1.
- House of Commons, Home Affairs Committee, 2012. *Roots of Violent Radicalisation*. Nineteenth Report of Session 2010-12, Volume I: Report, together with formal minutes, oral and written evidence, London: House of Commons.
- <https://www.nytimes.com/2005/07/26/politics/us-officials-retool-slogan-for-terror-war.html> (7 September 2019)
- <https://www.legal-tools.org/doc/ceebc3/pdf/> (9 Disember 2019).
- <http://www.ghri.org/GHR-International-Definitions.htm> (18 Disember 2019).
- <https://www.unodc.org/e4j/en/terrorism/module-2/key-issues/radicalization-violent-extremism.html> (30 Januari 2020).
- <https://www.fbi.gov/cve508/teen-website/what-is-violent-extremism> (27 Februari 2020).
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia Dan Sukan, 2017. *Garis Panduan Pencegahan Fahaman Ekstremisme & Radikalisme Dalam Kalangan Belia dan Masyarakat*. Kamus Dewan Edisi Keempat.
- Kanun Keseksaan, Malaysia.
- Kementerian Pertahanan. 2016. *Garis Panduan Pencegahan Fahaman Ekstremisme & Radikalisme Dalam Angkatan Tentera Malaysia*.
- Khurshid Iqbal. Defining terrorism in pakistani anti-terrorism law. *Global Journal of Comparative Law*.
- Kushner, H.W. 2003. *Encyclopedia of Terrorism*. Sage.
- Lim, S. & Kuga Thas, A.M. 2018. *Preventing Violent Extremism in Malaysia: Understanding The Phenomena Through a Gender Lens*. Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor.
- Mazlan Ibrahim, Kamarudin Salleh & Wan Haslan Khairuddin. 2015. *Prosiding Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan Ke-VIII*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moghaddam, F. M. 2006. *From the Terrorists' Point Of View: What they Experience and Why They Come to Destroy*. Praeger Security International.
- Nasser-Eddine, M., Garnham, B., Agostino, K., and Caluya, G. 2011. *Countering Violent Extremism (CVE) Literature Review* Counter Terrorism and Security Technology Centre.
- Neumann, P. R. 2017. *Countering violent extremism and radicalisation that lead to terrorism: Ideas, recommendations, and good practices from the OSCE region*. International Centre for the Study of Radicalisation.
- Office of the Press Secretary. Remarks by President Obama at the Leaders' Summit on Countering ISIL and Violent Extremism. *The White House: Speeches & Remarks*, 29 September 2015. <https://obamawhitehouse.archives.gov/the-press-office/2015/09/29/leaders-summit-countering-isil-and-violent-extremism> (30 Ogos 2019).
- Organization for Economic Cooperation and Development (OECD), Development Assistance Committee (2016). DAC High Level Meeting, Communiqué of 19 February 2016.
- Organization for Security and Co-operation in Europe Vienna, *Understanding The Role of Gender in Preventing and Countering Violent Extremism*

- and Radicalization That Lead to Terrorism: Good Practices for Law Enforcement, 2019.
- Patel, S., 2017. *The Sultanate of Women, Exploring Female Roles in Perpetrating and Preventing Violent Extremism*, Australian Strategic Policy Institute.
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, 1994. *Pengistiharan Mengenai Langkah-langkah Menghapuskan Keganasan Antarabangsa*. A/RES/49/60.
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, 2001. S/RES/1373 (2001).
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, 2004. S/RES/1566 (2004).
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, 2014. S/RES/2178 (2014)
- Rachel Jaques, Gavin Xavier, OOi Peng Koon, Kartini Dalina Mohd Daud, Sivabarathi Munikanan, Velary Trisha, Annies Yeoh, Tabitha Dass, *Istilah Undang-undang*, Sweet & Maxwell Asia, 2008.
- Ramakrishna, K., 2013. *A Theoretical Framework for Understanding Radicalisation into Violent Extremism*, SEARCCT.
- Ramalingam Rajamanickam, Tengku Noor Azira Tengku Zainudin, Zainunnisaa Abd. Rahman & Mohd Zamree Mohd Zahir. 2018. *Extremism in Malaysia: The Quest for a Legal Definition*. Global and Stochastic Analysis, MUK Publications, 2018, Vol.5. No.7.
- Rastegari, B. 2014. *Violation of Fundamental Liberties in Counter-Terrorism Measures: A Human Rights Approach*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Royal Canadian Mounted Police. 2009. *Radicalization: A Guide for The Perplexed*.
- Schmid, A. P. 2004. Terrorism-the definitional problem. *Case W. Res. J. Int'l L.* 36(2): 375-419.
- Schmid, A. P. 2011. *The Routledge Handbook of Terrorism Research*. Taylor & Francis.
- Schmid, A.P. 2012. *Countering Violent Extremism: A Promising Response to Terrorism*. <https://icct.nl/publication/countering-violent-extremism-a-promising-response-to-terrorism/> (6 Februari 2020).
- Schmid, A.P. 2013. *Radicalisation, De-Radicalisation, Counter-Radicalisation: A Conceptual Discussion and Literature Review*. International Centre for Counter-Terrorism, The Hague.
- Schmid, A. P. 2014. *Violent and Non-Violent Extremism: Two Sides of the Same Coin?* International Centre for Counter-Terrorism- The Hague, Research Paper.
- Silber, M.D., Bhatt, A. and Analysts, S.I. 2007. *Radicalization in the West: The homegrown threat* (pp. 1-90). New York: Police Department.
- Southers, E. 2013. *Homegrown Violent Extremism*. Elsevier.
- Striegher, J.L. 2015. Violent-extremism: An examination of a definitional dilemma, The Proceedings of [the] 8th Australian Security and Intelligence Conference, 30 November – 2 December, 2015, Edith Cowan University Joondalup Campus, Perth, Western Australia.
- The Special Tribunal for Lebanon (Appeal Chamber), 2011. *Interlocutory Decision on the Applicable Law Terrorism, Conspiracy, Homicide, Perpetration, Cumulative Charging*.
- True-Frost, C.C. 2017. When the UN Addresses the Conditions Conducive to Terrorism, What Happens to Human Rights. *Mich. St. L. Rev.*, p.805.
- Ucko, D.H. 2018. Preventing violent extremism through the United Nations: the rise and fall of a good idea. *International Affairs* 94(2): 251-270.
- United Nations Development Programme, 2016. *Preventing Violent Ekstremism Through Promoting Inclusive Development, Tolerance and Respect for Diversity: A Development Response to Addressing Radicalization and Violent Extremism*.
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) (2017). *Preventing Violent Extremism Through Education: A Guide For Policy-Makers*. Paris, France. <https://www.unodc.org/e4j/en/terrorism/module-2/key-issues/radicalization-violent-extremism.html> (30 Januari 2020).
- United States Agency International Development, From The American People (USAID), 2011.
- United States Government Accountability Office (GAO), 2017. *Countering Violent Extremism: Actions Needed to Define Strategy and Assess Progress of Federal Efforts*.
- Wilner, A. S. & Dubouloz, C.-J. 2011. Transformative radicalization: Applying learning theory to Islamist radicalization. *Studies in Conflict & Terrorism* 34(5).
- Pusphamalar Govindaraju
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor
Emel: pushpamalar@agc.gov.my
- Mohamad Rizal bin Abd Rahman
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor.
Emel: noryn@ukm.edu.my
- Shahrul Mizan Ismail
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor.
Emel: shahrulmizan@ukm.edu.my